

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG KEJURUTERAAN DAN MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3303-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-kejuruteraan-dan-pemakaian-pangkat-2

GONG KEDAK, 9 Apr 18 - Perbarisan Bulanan Ketua Cawang Kejuruteraan telah diadakan di Pusat Service Teknikal Cawang Kejuruteraan, Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan yang terdiri 5 Pegawai dan 110 Anggota Lain-lain pangkat telah diketuai oleh Kapt Ahmad Zahri Muda bin Ahmad Zahri TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan, PW U II Isma Rohaizan bin Ismail.

Dalam majlis yang berlangsung ini Ketua Cawang Kejuruteraan, Lt Kol Nornizam bin Kamarudin TUDM juga telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada 15 Anggota Lain-lain pangkat masing-masing ke pangkat pemangku Pegawai Waran Udara I, Pemangku Flait Sarjan, Pemangku Sarjan Udara, Pemangku Koperal Udara dan Laskar Udara Kanan.

Ketua Cawang Kejuruteraan mengucapkan tahniah kepada anggota yang baru dinaikkan pangkat dan berharap semoga dengan kenaikan pangkat pada tahun ini akan memberi semangat kepada anggota untuk terus meningkatkan prestasi kerja serta berusaha gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.



